

01/12/1999

Calon menang majoriti tipis

Shariffudin Mohamed

KUANTAN: Barisan Nasional (BN) semestinya tersentak apabila barisan alternatif, terutama Pas berjaya memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) di Pahang buat pertama kalinya sejak menjadi parti pembangkang.

Parti itu bukan saja sudah dapat menunjukkan taringnya di negeri itu, malah mampu meraih enam kerusi DUN dalam satu pilihan raya, sekali gus memberi gambaran awal Pahang bukan lagi kubu kuat Umno.

Memang dijangka Pas menang satu atau dua kerusi berdasarkan ketokohan beberapa calonnya berbanding calon BN tetapi dapat meraih sehingga enam kerusi adalah di luar jangkauan ramai.

Semua enam kerusi dirampas Pas adalah daripada Umno iaitu Jengka, Tahan, Kuala Pahang, Semantan, Penor dan Guai.

Kebanyakan calonnya menang dengan majoriti kurang daripada 1,000 undi manakala calon Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Mohd Jafri Ab Rashid menewaskan calon BN, Datuk Wan Mohamad Razali Wan Mahussin hanya dengan majoriti lima undi di DUN Chini.

Kebanyakan kawasan itu didiami peneroka Felda yang sering menjadi sasaran parti pembangkang untuk meraih undi, lebih-lebih lagi selepas Datuk Seri Anwar Ibrahim dipecat daripada Umno dan kerajaan dua tahun lalu.

Kerajaan pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dituduh kononnya melakukan pelbagai kezaliman walaupun kes Anwar dibicarakan secara adil di mahkamah.

Akibat terlalu marah kepada Dr Mahathir kerana memecat Anwar, barisan alternatif, terutama Pas dan Keadilan sentiasa mengambil peluang memburukkan Dr Mahathir dalam kempen masing-masing.

Seorang bekas tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) ketika berceramah suka menggambarkan Dr Mahathir seorang pemimpin yang kejam.

Dalam satu ceramah di Taman Chenderawasih, Kuantan, beliau sanggup mengatakan jika barisan alternatif menang dalam pilihan raya umum ini, Dr Mahathir akan ditangkap untuk didakwa di Mahkamah Syariah kerana membuat tuduhan palsu terhadap Anwar.

Katanya, jika sabit kesalahan, Dr Mahathir akan disebat di Dataran Merdeka dan disiarkan secara langsung di seluruh dunia melalui CNN International.

Bagaimanapun, pemerhati berpendapat Pas sebenarnya mendapat keuntungan daripada isu pemecatan Anwar.

Parti itu kini mempunyai wakil rakyat di Pahang yang selama ini peluang mereka untuk mendapat kerusi DUN dalam pilihan raya ditolak pemimpin BN negeri.

Mengulas kemenangan barisan alternatif di lapan kerusi DUN, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, kemenangan Pas, Keadilan dan DAP berpunca daripada tindakan mereka menyebarkan terlalu banyak pembohongan selain memutarbelitkan agama.

Beliau berkata, parti pembangkang menggunakan taktik kotor dalam usaha meraih simpati supaya orang ramai menyokong perjuangan mereka.

Katanya, isu agama adalah sensitif di kalangan umat Islam dan Pas mengambil kesempatan itu untuk meraih undi, dengan memutarbelitkan ajaran Islam kononnya mengundi Pas menjamin mereka masuk ke syurga.

Beliau berkata, sebahagian besar umat Islam terjebak dalam perangkap Pas yang mula menjalankan gerakan meracuni pemikiran rakyat sejak 1995 menerusi ceramah, kempen dan kelas usrah anjuran parti itu.

(END)